

Al-Haq bantah keputusan Persisi gugur Azman

Berita Harian, 8 September 1995, Page 14

Article also available on Microfilm Reel NL20474

Printer-Friendly Page

Al-Haq bantah keputusan Persisi gugur Azman

DEWAN Persekutuan Silat Singapura (Persisi) sekali lagi bergegar apabila Perguruan Silat al-Haq membantah keputusan badan induk itu menggugurkan Azman Amat dari Sukan SEA.

Ketua perguruan al-Haq, Hosni Ahmad, melahirkan rasa keal terhadap tindakan Persisi menggugurkan pesilatnya itu tanpa memberi pusing pihaknya membentangkan perkara sebenar.

"Saya tidak setuju dengan tindak tanduk Persisi menangani soal ini," kata Hosni.

Al-Haq, menurutnya, mempunyai video rakaman perlawanan yang mencetuskan insiden menyerang pengadil, Bari Sarimon.

"Kami meneliti rakaman video itu dan mendapati pengadil gagal memberi amaran kepada pencabar Azman, yang sering berundur keluar gelanggang," katanya.

Hosni, 69 tahun, yang juga jurulatih nasional, tidak setuju apabila beliau bersama penolongnya, Hussein Kaslan, dikatakan bersetuju dengan keputusan Jawatankuasa Persisi menggugurkan Azman dari Sukan SEA.

"Kami membantah keputusan jawatankuasa itu," kata Hosni, yang menjadi jurulatih nasional sejak acara pencak silat diperkenalkan di Sukan SEA 1987, di Jakarta.

Hosni juga menafikan Azman terlibat dalam insiden yang sama dalam 1990.

"Itu tidak benar. Ketika itu Azman tidak mengambil bahagian. Dia bertindak sebagai pembantu peserta," jelasnya lagi.

Hosni menyifatkan tindakan Persisi mengadakan Kejohanan Nasional tidak kena pada masanya, memandangkan Sukan SEA terlalu hampir kerana sebarang kecederaan ke atas pesilat nasional boleh menjejaskan peluang negara di Chiangmai.

Beliau memberi contoh, salah seorang pesilatnya, Mohd Riduan Ahmad, juga

anggota Skwad Nasional, mengalami kecederaan ketika tampil dalam Bahagian Dewasa Kategori B.

Al-Haq mempunyai tujuh pesilat nasional — lima lelaki dan dua wanita — dalam skuad Sukan SEA.

Menurut Hosni, pihaknya akan mengirim surat bantahan kepada Persisi.

Sementara itu, Setiausaha Agung Persisi, Sarkawai Haji Masom, berkata mesyuarat Majlis Pentadbiran Persisi malam kelmarin memutuskan untuk menggugurkan Azman dari skuad Sukan SEA.

"Tempat Azman dalam Kategori E tidak akan diisi kerana kami dapati juara baru, Irwan Juraimi dari Serdang Pukolan, belum begitu bersedia mewakili negara di peringkat antarabangsa," tambah Sarkawai lagi.

Azman, katanya, boleh membuat rayuan apabila Jawatankuasa Disiplin mengadakan mesyuaratnya.

Namun, Sarkawai tidak pasti bila mesyuarat tersebut akan diadakan. Setakat ini beliau belum menerima sebarang laporan daripada Meja Hakim dan pengadil pertandingan Kejohanan Nasional.

“Kami meneliti rakaman video itu dan mendapati pengadil gagal memberi amaran kepada pencabar Azman, yang sering berundur keluar gelanggang.”

— Ketua perguruan al-Haq, Hosni Ahmad.